

Kepentingan Bahasa Melayu dalam Memperkukuhkan Identiti Kebangsaan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (*The Importance of the Malay Language in Strengthening the National Identity of Students at Private Higher Education Institutions*)

Norul Huda Mohd Ghazali^{1*}, Sharliana Che Ani¹, Sharmelaa Mahindran¹

¹ Faculty of Education and Humanities, UNITAR International University, Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: huda@unitar.my

Received: 5 October 2024 | Accepted: 6 December 2024 | Published: 20 December 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/ajress.2024.6.7.11>

Abstrak: Kajian ini meneliti kepentingan pengajian Bahasa Melayu dalam memperkukuhkan identiti kebangsaan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi swasta. Bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, berperanan penting dalam menyatukan masyarakat berbilang kaum dan dalam membentuk identiti kebangsaan. Menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian ini mengumpulkan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar di institusi pengajian tinggi swasta terpilih. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengajian Bahasa Melayu bukan sahaja meningkatkan kemahiran bahasa dalam kalangan pelajar tetapi juga memperkukuhkan rasa bangga terhadap identiti kebangsaan mereka. Pelajar menyatakan bahawa pembelajaran Bahasa Melayu membantu mereka menghargai sejarah, budaya, dan nilai-nilai kebangsaan Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar pengajian Bahasa Melayu diperkasakan dan diberi penekanan lebih dalam kurikulum universiti bagi menyokong usaha pembinaan dan pengukuhan identiti kebangsaan dalam kalangan generasi muda.

Kata Kunci: Pengajian Bahasa Melayu, identiti kebangsaan, masyarakat berbilang kaum, kemahiran bahasa, sejarah dan budaya

Abstract: This study examines the importance of studying the Malay language in strengthening national identity among students in private higher education institutions. The Malay language, as the national language of Malaysia, plays an important role in uniting the multi-racial society and in shaping national identity. Using a quantitative approach, this study collected data through questionnaires distributed to students in selected private higher education institutions. The results of the study showed that studying the Malay language not only improved language skills among students but also strengthened their sense of pride in their national identity. Students stated that learning the Malay language helped them appreciate the history, culture, and national values of Malaysia. This study recommends that the study of the Malay language be strengthened and given more emphasis in university curricula to support efforts to build and strengthen national identity among the younger generation.

Keywords: Malay Language Studies, national identity, multi-racial society, language skills, history and culture

1. Pengenalan

Identiti kebangsaan adalah elemen yang sangat penting dalam pembentukan jati diri seseorang individu dan sesebuah masyarakat. Dalam konteks Malaysia, identiti kebangsaan sering kali dikaitkan dengan tahap pemahaman dan penghargaan terhadap budaya, serta sejarah Bahasa Melayu. Bahasa Melayu, sebagai bahasa kebangsaan, memainkan peranan utama dalam memperkukuhkan perpaduan dan identiti nasional. Namun, dalam era globalisasi yang pesat, identiti kebangsaan di kalangan generasi muda menghadapi cabaran daripada pengaruh budaya asing yang semakin dominan. Pendidikan, khususnya pengajaran Bahasa Melayu, merupakan salah satu alat utama dalam usaha memperkukuhkan identiti kebangsaan. Di institusi pengajian tinggi, pengajaran Bahasa Melayu bukan sahaja bertujuan meningkatkan kemahiran berbahasa tetapi juga menanam rasa cinta dan bangga terhadap negara di kalangan pelajar.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana pengajian Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi swasta dapat menyumbang kepada pembentukan identiti kebangsaan pelajar. Ia akan meneliti kandungan kurikulum, kaedah pengajaran, dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan sebagai faktor-faktor dalam pembinaan identiti kebangsaan. Melalui kajian ini, ia dapat diperolehi pandangan yang lebih mendalam mengenai peranan pendidikan Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi. Hal ini demikian kerana, bagi memastikan generasi muda Malaysia tidak hanya fasih dalam Bahasa Melayu tetapi juga mempunyai jati diri yang kukuh dan bangga dengan warisan budaya mereka sendiri.

Dalam era globalisasi dan perubahan sosial yang pesat, identiti kebangsaan dalam kalangan generasi muda sering kali terancam oleh pengaruh budaya asing. Pendidikan memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan identiti kebangsaan, terutamanya melalui pengajaran bahasa dan budaya tempatan. Walaupun Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan diwajibkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, terdapat kekurangan kajian yang mendalam mengenai bagaimana pengajaran Bahasa Melayu di peringkat universiti menyumbang kepada pembinaan identiti kebangsaan di kalangan pelajar.

Kajian ini dapat membantu memahami peranan pengajian Bahasa Melayu dalam memperkukuhkan identiti kebangsaan dalam kalangan pelajar universiti, yang penting untuk membina rasa cinta dan bangga terhadap negara. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh dasar kerajaan dan pendidik untuk menambah baik kurikulum Bahasa Melayu dengan memasukkan elemen yang lebih berkesan dalam pembinaan identiti kebangsaan. Selain daripada ini, kajian ini dapat memberikan panduan kepada pensyarah di institusi pengajian tinggi swasta tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dalam mengajar Bahasa Melayu, seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan bahasa dan budaya. Dengan memahami kepentingan penglibatan dalam aktiviti kebudayaan, institusi pengajian tinggi swasta boleh merancang dan menganjurkan lebih banyak program yang dapat memupuk identiti kebangsaan di kalangan pelajar. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang pentingnya memelihara dan memperkukuhkan identiti kebangsaan melalui pendidikan bahasa dan budaya.

2. Sorotan Literatur

Identiti diri merujuk kepada cara individu melihat dirinya sendiri, termasuk ciri-ciri yang membentuk keunikan dan keistimewaan setiap individu. Menurut Noor Azlan Ahmad dan Faridah Ismail (2018), terdapat bukti jangka panjang yang menunjukkan bahawa pengajian Bahasa Melayu berperanan penting dalam pembinaan identiti kebangsaan. Identiti diri

dibentuk melalui interaksi antara faktor-faktor dalaman, seperti nilai-nilai, kepercayaan, dan pengalaman, serta faktor-faktor luaran yang meliputi budaya, masyarakat, dan hubungan dengan orang lain. Aspek penting dalam konsep identiti diri termasuk ciri-ciri peribadi, peranan sosial (sebagai anak, pelajar, pekerja, atau rakan), identiti budaya (rasa kepunyaan kepada budaya tertentu), identiti jantina (memahami peranan yang dikenakan oleh masyarakat), identiti etnik dan kebangsaan dan cita-cita dan aspirasi individu. Proses pembentukan identiti diri adalah berterusan sepanjang hayat dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk pengalaman hidup, hubungan sosial, budaya, dan refleksi diri. Identiti diri yang kukuh adalah penting untuk kesedaran diri, keyakinan, dan pembinaan hubungan yang bermakna dengan orang lain.

Menurut Abdullah Hassan (2014), keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi mempunyai impak yang signifikan terhadap identiti pelajar. Bahasa Melayu berfungsi untuk menggalakkan keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat Malaysia. Noor Azizi Ismail (2018) menyoroti peranan bahasa dalam identiti kebangsaan, namun, cabaran semakin meningkat dalam usaha mengukuhkan perpaduan dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, terutamanya dengan pengaruh Bahasa Inggeris yang mendominasi bidang pendidikan, pekerjaan, dan komunikasi. Pelajar di universiti swasta, yang majoritinya terdiri daripada etnik bukan Melayu, cenderung menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium pembelajaran dan lebih gemar berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Melayu di kalangan pelajar, termasuk di institusi pengajian tinggi swasta, yang menawarkan kursus wajib dalam Bahasa Melayu.

Bahasa Melayu berfungsi sebagai alat penyatuan dan simbol identiti di Malaysia. Pembinaan identiti kebangsaan melalui pengajian Bahasa Melayu adalah penting dalam menyatukan pelbagai lapisan masyarakat. Dalam buku *The Linguistic Scenery in Malaysia* oleh Asmah Haji Omar (1992) membincangkan peranan Bahasa Melayu dalam konteks pendidikan dan identiti kebangsaan. Pengajian Bahasa Melayu mengukuhkan perasaan kepunyaan dan membantu individu merasakan hubungan yang lebih erat dengan negara dan masyarakat. Bahasa Melayu, sebagai simbol identiti kebangsaan, memainkan peranan dalam pendidikan, pentadbiran, dan media massa, yang seterusnya meningkatkan rasa bangga terhadap identiti nasional. Selain itu, pengajian ini mendedahkan pelajar kepada sejarah, sastera, adat resam, dan tradisi Melayu, yang memperkaya pemahaman mereka terhadap warisan budaya negara. Penguasaan Bahasa Melayu memberikan pelajar keyakinan diri dan ruang untuk mengekspresikan pandangan mereka dalam bahasa yang mencerminkan identiti kebangsaan.

Pembinaan identiti kebangsaan adalah aspek penting dalam membentuk keharmonian dan perpaduan dalam sesebuah negara, terutamanya di negara yang berbilang etnik dan budaya seperti Malaysia. Identiti kebangsaan yang kukuh memupuk rasa cinta terhadap negara, meningkatkan kesedaran sejarah dan budaya, serta memperkukuh tanggungjawab sosial. Pengajian Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi, tidak hanya bertujuan untuk meningkatkan kemahiran bahasa pelajar, tetapi juga untuk memperkukuh identiti kebangsaan. Dalam kajian ini, dua teori utama yang akan digunakan untuk menerangkan sumbangan pengajian Bahasa Melayu kepada pembinaan identiti kebangsaan ialah Teori Penggunaan Bahasa dan Identiti (*Language and Identity Theory*) dan Teori Pendidikan Kritikal (*Critical Pedagogy Theory*).

Teori Penggunaan Bahasa dan Identiti (*Language and Identity Theory*) oleh Joshua Fishman (1991), menekankan bahawa bahasa adalah penanda utama identiti etnik dan kebangsaan. John

Edwards (2009) dan Penelope Eckert (2000) menyatakan bahawa penggunaan bahasa dalam konteks sosial mencerminkan dan membentuk identiti individu. Bahasa bukan hanya alat komunikasi tetapi juga penting dalam pembentukan identiti peribadi dan sosial. Melalui penggunaan Bahasa Melayu, pelajar dapat mengekspresikan diri mereka dan membina identiti yang kuat. Teori Pendidikan Kritikal (*Critical Pedagogy Theory*) oleh Paul Freire (1970), menekankan bahawa pendidikan harus memberdayakan individu untuk memahami realiti sosial mereka. Pengajian Bahasa Melayu dapat membantu pelajar mengenali isu-isu kebangsaan dan mengukuhkan identiti mereka. Melalui pendekatan pendidikan yang kritikal, pelajar didorong untuk menganalisis dan memahami konteks sosial, dan menjadi peserta aktif dalam pembelajaran.

Kajian lepas, seperti yang dilakukan oleh Halim Ali dan Siti Hajar Mohd Nor (2016), menunjukkan peranan penting Bahasa Melayu dalam pembinaan identiti kebangsaan. Kajian Roslina Abdul Rahim (2017) dan Hafizah Abdul Karim serta Zainal Abidin Hassan (2020) memberikan wawasan tentang bagaimana pengajian Bahasa Melayu menyumbang kepada kesedaran kebangsaan dan identiti. Penggunaan bahasa kebangsaan dalam pendidikan dan komunikasi harian mengukuhkan identiti kolektif. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa pengajian Bahasa Melayu berperanan penting dalam pembinaan identiti kebangsaan pelajar.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana ia melibatkan pengumpulan data dalam bentuk numerik yang dapat dianalisis secara statistik. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data bagi mendapatkan maklumat tentang pembinaan identiti kebangsaan melalui pengajian Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi swasta. Soalan-soalan yang telah dirancang bertujuan untuk menggali pandangan pelajar mengenai bagaimana pengajian Bahasa Melayu dapat mempengaruhi pemahaman dan pembentukan identiti kebangsaan mereka.

Pengkaji telah memilih institusi pengajian tinggi swasta sebagai lokasi kajian untuk mengumpul data mengenai pembentukan identiti kebangsaan melalui pengajian Bahasa Melayu. Pemilihan lokasi ini adalah penting kerana institusi tersebut menyediakan persekitaran akademik yang membolehkan interaksi antara pelajar daripada pelbagai latar belakang, yang seterusnya memberi kesan kepada pembentukan identiti kebangsaan.

Institusi pengajian tinggi swasta ini ditubuhkan pada tahun 1997 dan merupakan salah satu daripada universiti swasta terawal di negara ini. Ia juga dikenali sebagai universiti maya pertama di Asia Tenggara yang telah menerima penarafan QS 5-Bintang dalam kategori pembelajaran dalam talian. Institusi ini berhasrat untuk melahirkan warganegara yang kompeten dan berdaya saing di peringkat global melalui ekosistem pembelajaran yang inovatif dan menyeluruh. Selain itu, institusi ini juga komited kepada Matlamat Pembangunan Lestari oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dengan visi untuk memacu penyelesaian inovatif dalam ekosistem pembelajaran demi masa depan yang lestari, serta misi untuk menghasilkan warga global yang berkemahiran keusahawanan dengan kebolehpasaran yang tinggi.

Menurut Gay dan Airasian (2003), populasi merujuk kepada kumpulan sasaran pengkaji, atau kumpulan di mana hasil kajian akan digeneralisasikan. Responden yang dipilih untuk mewakili populasi dikenali sebagai sampel kajian. Oleh itu, pengkaji telah menetapkan saiz sampel sebanyak 80 orang pelajar daripada institusi pengajian tinggi swasta ini sebagai wakil untuk

kajian ini. Pengkaji mendedarkan borang soal selidik secara dalam talian, yang merupakan kaedah praktikal untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Jadual 1 berikut menunjukkan perkara yang ditanya kepada pelajar untuk setiap bahagian:

Jadual 1: Struktur Soal Selidik Mengikut Bahagian

Bahagian	Perkara
Bahagian A	Demografi
Bahagian B (i)	Kesan kandungan Kurikulum Bahasa Melayu terhadap pembentukan identiti kebangsaan pelajar.
Bahagian B (ii)	Impak kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap pembentukan identiti kebangsaan pelajar.
Bahagian B (iii)	Kesan penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan terhadap pembinaan identiti kebangsaan pelajar.

Di samping itu, pengkaji juga akan menggunakan skala Likert untuk mengukur tahap persetujuan responden terhadap soalan-soalan yang diberikan 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3 – sederhana, 4 – setuju dan 5 – sangat setuju.

Pengkaji menggunakan aplikasi *Google Form* untuk mengumpul data secara dalam talian dan *Microsoft Excel* untuk menganalisis data dengan lebih tepat. Semua maklumat yang dikumpul melalui pendedaran soal selidik akan dianalisis menggunakan perisian analisis data yang dikenali sebagai *SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)*. Kaedah analisis ini akan memberi tumpuan kepada data demografi responden dan membantu dalam memahami keputusan yang diperolehi dengan lebih mendalam.

4. Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti demografi responden, pelajar institusi pengajian tinggi swasta serta menilai pembentukan diri melalui pengajian Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti. Kajian ini juga meneliti kesan kandungan kurikulum Bahasa Melayu, impak kaedah pengajaran dan pembelajaran, serta penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan terhadap identiti kebangsaan mereka.

4.1 Bahagian A: Data Demografi

Berdasarkan Jadual 2 di bawah, sebanyak 84 responden telah mengisi borang soal selidik. Responden terdiri daripada dua jantina: lelaki dan perempuan. Kumpulan jantina lelaki terdiri daripada 30 orang (35.7%), manakala jantina perempuan terdiri daripada 54 orang (64.3%).

Jadual 2: Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Lelaki	30	35.7	35.7	35.7
Perempuan	54	64.3	64.3	100.0
Jumlah Sah	84	100.0	100.0	

Jadual 3 menunjukkan bahawa daripada 84 responden, bangsa yang paling ramai adalah India dengan 55 responden (65.5%). Bangsa kedua tertinggi ialah Cina, dengan 22 responden (26.2%). Bangsa Melayu pula mencatatkan 3 responden (3.6%).

Jadual 3: Bangsa

Bangsa	Kekerapan	Peratus (%)	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Melayu	3	3.6	3.6	3.6
Cina	23	27.4	27.4	31.0
India	58	69.0	69.0	100.0
Jumlah Sah	61	100.0	100.0	

Jadual 4 menunjukkan bahawa responden dengan kelulusan Diploma merupakan kumpulan tertinggi dengan 55 orang (65.5%). Kumpulan kedua tertinggi adalah dari peringkat Asasi dengan 20 responden (23.8%). Responden yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda seramai 8 orang (9.5%).

Jadual 4: Kelulusan Akademik

Kelulusan Akademik	Kekerapan	Peratus (%)	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Ijazah Sarjana Muda	8	9.5	9.5	9.5
Diploma	55	65.5	65.5	75.0
Asasi	21	25.0	25.0	100.0
Jumlah Sah	84	100.0	100.0	

Jadual 5 menunjukkan responden tertinggi berasal dari Fakulti Pendidikan, dengan 31 orang (36.9%). Fakulti Perniagaan dan Keusahawanan mencatatkan 23 responden (27.4%), diikuti oleh Fakulti Teknologi Maklumat dengan 22 responden (26.2%), dan Fakulti Psikologi dengan 8 responden (9.5%).

Jadual 5: Fakulti

Fakulti	Kekerapan	Peratus (%)	Peratus Sah	Peratus Terkumpul
Pendidikan	31	36.9	36.9	36.9
Perniagaan dan Keusahawanan	23	27.4	27.4	64.3
Teknologi Maklumat	22	26.2	26.2	90.5
Psikologi	8	9.5	9.5	100.0
Jumlah Sah	61	100.0	100.0	

4.2 Bahagian B: Statistik Deskriptif

Bahagian ini membincangkan peranan pengajian Bahasa Melayu dalam pembentukan identiti kebangsaan pelajar. Data min dan sisihan piawai dikira menggunakan perisian SPSS bagi setiap soalan. Berikut adalah analisis data yang diperolehi.

Jadual 6: Pembentukan identiti kebangsaan melalui pengajian Bahasa Melayu

Soalan	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Kandungan kurikulum Bahasa Melayu membantu saya memahami sejarah Malaysia dengan lebih baik.	84	3.00	5.00	4.24	0.801
Pengajaran Bahasa Melayu di universiti memperkuatkan rasa kebangsaan saya.	84	3.00	5.00	4.20	0.788
Saya merasakan kurikulum Bahasa Melayu mencerminkan nilai-nilai kebangsaan Malaysia dengan baik.	84	3.00	5.00	4.20	0.766
Kandungan kurikulum Bahasa Melayu menggalakkan saya untuk berkomunikasi dalam Bahasa Melayu di luar kelas.	84	2.00	5.00	4.36	0.786

Saya merasa kursus Bahasa Melayu di universiti saya disesuaikan dengan baik untuk memperkuat identiti kebangsaan pelajar.	84	3.00	5.00	4.24	0.815
Jumlah	84			4.25	

Jadual 6 menunjukkan analisis lima soalan berkaitan kesan kandungan kurikulum Bahasa Melayu terhadap pembentukan identiti kebangsaan pelajar. Purata min keseluruhan adalah 4.25, dengan min tertinggi 4.36 untuk soalan yang menyatakan bahawa kandungan kurikulum Bahasa Melayu menggalakkan komunikasi dalam bahasa tersebut di luar kelas.

Bahagian ini membincangkan impak kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap pembentukan identiti kebangsaan pelajar. Berikut adalah data analisis.

Jadual 7: Impak kaedah pengajaran dan pembelajaran

Soalan	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Kaedah pengajaran yang melibatkan sejarah dan budaya Malaysia meningkatkan pemahaman saya tentang identiti kebangsaan.	84	3.00	5.00	4.19	0.794
Pensyarah saya menggunakan kaedah pengajaran yang efektif dalam menanam nilai-nilai kebangsaan.	84	2.00	5.00	4.25	0.848
Pembelajaran Bahasa Melayu di universiti membantu saya merasa lebih terhubung dengan warisan kebangsaan Malaysia.	84	2.00	5.00	4.14	0.823
Kaedah pembelajaran yang digunakan dalam kursus Bahasa Melayu mendorong saya untuk menggunakan bahasa ini dalam kehidupan harian.	84	2.00	5.00	4.13	0.832
Kursus Bahasa Melayu saya memberikan penekanan yang mencukupi terhadap aspek kebangsaan dan patriotisme.	84	3.00	5.00	4.11	0.776
Jumlah	84			4.162	

Jadual 7 menunjukkan analisis lima soalan berkaitan impak kaedah pengajaran dan pembelajaran terhadap pembentukan identiti kebangsaan pelajar. Purata min keseluruhan adalah 4.162, dengan min tertinggi 4.25 untuk soalan mengenai kaedah pengajaran pensyarah yang berkesan dalam menanam nilai-nilai kebangsaan.

Bahagian ini membincangkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan serta kesannya terhadap pembentukan identiti kebangsaan. Berikut adalah data analisis.

Jadual 8: Penglibatan dalam aktiviti kebudayaan

Soalan	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
Penglibatan dalam aktiviti kebudayaan seperti perayaan dan program kebudayaan meningkatkan pemahaman saya tentang identiti kebangsaan.	84	3.00	5.00	4.21	0.811
Saya aktif terlibat dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh universiti.	84	3.00	5.00	4.15	0.759

Aktiviti kebudayaan di universiti memberikan ruang untuk saya menghargai warisan kebangsaan Malaysia.	84	3.00	5.00	4.32	0.822
Saya merasa lebih bangga menjadi rakyat Malaysia setelah menyertai aktiviti kebudayaan.	84	3.00	5.00	4.30	0.794
Penglibatan saya dalam aktiviti kebudayaan mendorong saya untuk memperdalam pengetahuan tentang identiti kebangsaan.	84	3.00	5.00	4.21	0.761
Jumlah	84			4.23	

Jadual 8 menunjukkan analisis lima soalan berkaitan penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan. Purata min keseluruhan adalah 4.23, dengan min tertinggi 4.32 untuk soalan tentang aktiviti kebudayaan yang memberikan ruang untuk menghargai warisan kebangsaan.

5. Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa kandungan kurikulum Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi swasta merangkumi elemen-elemen penting seperti sejarah, budaya, dan nilai-nilai kebangsaan. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini melaporkan bahawa mereka merasakan kandungan ini bukan sahaja membantu mereka memahami sejarah Malaysia, tetapi juga memperkukuh rasa kebangsaan mereka. Dalam hal ini, adalah penting untuk mengenali bahawa pengajian bahasa bukan sekadar mempelajari tatabahasa dan kosa kata, tetapi juga merangkumi pemahaman yang lebih mendalam tentang konteks sosial dan budaya yang membentuk identiti sesebuah bangsa (Sankaran & Arumugam, 2020). Melalui pembelajaran ini, pelajar dapat melihat hubungan antara bahasa dan identiti, di mana bahasa bertindak sebagai medium untuk menyampaikan nilai-nilai kebangsaan dan sejarah yang perlu dipelihara. Ini sejalan dengan Teori Penggunaan Bahasa dan Identiti (*Language and Identity Theory*) oleh Joshua Fishman (1991) yang menyatakan bahawa bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi juga penghubung kepada identiti budaya (Gumperz & Hymes, 1972).

Bagi objektif kedua, pengkaji mendapati bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan dalam kursus Bahasa Melayu berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai kebangsaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan kaedah pengajaran yang melibatkan sejarah dan budaya Malaysia dapat meningkatkan pemahaman pelajar tentang identiti kebangsaan mereka. Menurut Lave dan Wenger (1991), pembelajaran yang berasaskan konteks sosial dapat membantu pelajar untuk berinteraksi dengan pengetahuan dan budaya secara lebih mendalam. Pelajar mengakui bahawa kaedah yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu mendorong mereka untuk mengaplikasikan bahasa dalam kehidupan seharian, yang seterusnya meningkatkan rasa bangga terhadap warisan budaya mereka. Ini menunjukkan bahawa pengajaran yang efektif bukan sahaja memfokuskan kepada aspek akademik, tetapi juga kepada pembangunan nilai dan identiti yang positif di kalangan pelajar.

Dalam analisis objektif ketiga, dapatan menunjukkan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan di institusi pengajian tinggi swasta telah memberi impak positif terhadap pembinaan identiti kebangsaan mereka. Aktiviti seperti festival kebudayaan, pameran seni, dan program kesenian bukan sahaja memberi ruang kepada pelajar untuk mengekspresikan identiti kebangsaan mereka, tetapi juga memupuk rasa cinta terhadap budaya dan tradisi Malaysia. Penyelidikan oleh Yusof (2019) menekankan bahawa penglibatan dalam aktiviti kebudayaan dapat membina kesedaran kolektif dalam kalangan individu, yang penting untuk memperkukuh identiti kebangsaan. Penglibatan dalam aktiviti kebudayaan juga memperkuatkan hubungan

antara pelajar dari pelbagai latar belakang, yang sekaligus membentuk perpaduan dan semangat kerjasama. Dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti kebudayaan perlu diteruskan dan diperluas untuk meningkatkan penglibatan pelajar dan menanam semangat kebangsaan yang lebih mendalam.

6. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa pengajian Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi, memainkan peranan penting dalam pembinaan identiti kebangsaan pelajar. Kurikulum yang merangkumi elemen sejarah, budaya, dan nilai-nilai kebangsaan, bersama dengan kaedah pengajaran yang berkesan dan penglibatan dalam aktiviti kebudayaan, merupakan faktor utama yang menyumbang kepada pengukuhan identiti kebangsaan dalam kalangan pelajar. Kajian ini menekankan betapa pentingnya penekanan kepada elemen-elemen kebangsaan dalam pendidikan tinggi, khususnya dalam konteks yang semakin terdedah kepada pengaruh budaya asing. Oleh itu, adalah wajar bagi pihak universiti untuk terus memperkukuh kurikulum Bahasa Melayu dengan menekankan nilai-nilai kebangsaan dan identiti budaya dalam proses pembelajaran.

Implikasi dari kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang memahami dan menghargai identiti kebangsaan mereka akan lebih bersemangat untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara. Identiti kebangsaan yang kuat bukan sahaja membantu individu dalam membina jati diri tetapi juga menggalakkan perpaduan dan kestabilan sosial. Pelajar perlu dididik untuk menghargai warisan budaya dan bertindak sebagai duta kepada identiti kebangsaan Malaysia di peringkat global. Dengan itu, pengajian Bahasa Melayu tidak hanya berfungsi sebagai alat komunikasi tetapi juga sebagai platform untuk membina dan mengukuhkan identiti kebangsaan yang diperlukan dalam masyarakat berbilang budaya. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kebudayaan juga memberi kesan positif terhadap pembinaan identiti kebangsaan dengan menyediakan ruang untuk menghargai warisan budaya dan memperkuat perpaduan antara pelajar dari pelbagai latar belakang. Oleh itu, institusi pendidikan harus menerapkan dan memperluas aktiviti kebudayaan sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran untuk menanam semangat kebangsaan yang lebih mendalam dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, pengajian Bahasa Melayu dan aktiviti kebudayaan perlu diperkukuhkan untuk memastikan pelajar bukan sahaja menjadi individu yang berpengetahuan, tetapi juga warganegara yang bangga dan beridentiti.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada UNITAR International University kerana membiayai penerbitan ini.

Rujukan

- Abdillah, R. (2017). Analisis teori dehumanisasi pendidikan Paulo Freire. *Jaqfi: Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*, 2(1), 1-21. <https://journal.uinsgd.ac.id/index.php/jaqfi/article/download/4247/2489>
- Awi, H. (2013, July 26). BLOG HJ AWI.: Populasi dan sampel kajian. BLOG HJ JAWI. <http://hj-awi.blogspot.com/2013/07/populasi-dan-sampel-kajian.html>
- Izman, M. N., & Mahamod, Z. (2023). Nilai Bahasa Melayu sebagai Asas Jati Diri dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: The Value of the Malay Language as The Basis of Self-Identity Among Students of the National University of Malaysia. *PENDETA*, 14(2), 11-25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.2.2023>

- BUKU PANDUAN PROGRAM IJAZAH DASAR - apm.um.edu.my. (n.d.). M.moam.info. Retrieved July 23, 2024, from https://m.moam.info/buku-panduan-program-ijazah-dasar-apmumedumy_59c667ca1723dd850e34ec4d.html
- Edwards, J. (2009). *Language and Identity: An introduction*. In Cambridge University Press. Cambridge University Press. <https://www.cambridge.org/core/books/language-and-identity/423B0C9F6212C9139E5649A033D8EED8>
- Gumperz, J. J., & Hymes, D. H. (1972). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. Wiley.
- Hayeeteh, P., Shahidi, A. H., & Aman, R. (2020). *Penerimaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Universiti Rajabhat Yala (Yru) Thailand*. <https://wb.yru.ac.th/handle/yru/6102>
- Hj. Mahali, S. N., Tamby Omar, A., & Mee, W. M. (2022). Domain dan Pemilihan Bahasa Generasi Muda Murut di Daerah Keningau, Sabah (The Domains and Language Choice Among the Young Murut Generation in Keningau District, Sabah). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(3), 119–138. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-07>
- Language Variation as Social Practice: The Linguistic Construction of Identity in Belten High Wiley. (n.d.). Wiley.com. Retrieved July 24, 2024, from <https://www.wiley.com/enus/Language+Variation+as+Social+Practice%3A+The+Linguistic+Construction+of+Identity+in+Belten+High-p-9780631186038>
- Lave, J., & Wenger, E. (1991). *Situated Learning: Legitimate Peripheral Participation*. Cambridge University Press.
- Mahamod, Z., Lasan, C., & Yusoff, N. M. R. N. (2009). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi swasta di negeri Sarawak. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(1), 8-25. http://journalarticle.ukm.my/1478/1/ZAMRI_MS_1.pdf
- Musa, H., & Che Rodi, R. (2014). Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia dalam Penyemaian Cinta akan Negara Bangsa Malaysia. *Sidang Editorial*, 19. <https://mycite.mohe.gov.my/en/files/article/120923>
- Mohamed, N. A., & Hassan, N. A. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 19–28. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i4.227>
- Sankaran, K., & Arumugam, K. (2020). Cultural Identity and Language in Malaysia. *Journal of Language and Communication*, 7(1), 45-58.
- Agus, A. N. A. (2022). Masalah dihadapi oleh guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (Problems faced by malay language teachers in implementing differential approaches in teaching and learning at home). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 50-62. <http://journalarticle.ukm.my/19109/1/304-577-1-SM.pdf>
- Yusof, M. F. K. (2019). Cultural Engagement and National Identity among Malaysian Youth. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 122-130.
- Zakaria, N., Awang, M. M., & Mahmud, Z. (2019). Penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah: Realiti dan cabaran di sekolah pelbagai etnik [Kertas Persidangan]. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua*, Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman.